

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (55)

03 Jun 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 10/2021

ARAHAN TERKINI BERKAITAN PERGERAKAN PELAJAR BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PENUH 3.0 (4 HINGGA 14 JUN 2021)

Dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia telah berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berkuat kuasa mulai 21 Mei 2021 hingga 3 Jun 2021. Walau bagaimanapun, pihak Universiti mengambil maklum bahawa situasi terkini menunjukkan trend penurunan kes Covid-19 di dalam kampus UTM Johor Bahru dan pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulai telah bersetuju untuk menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 3 Jun 2021.

Sehubungan dengan itu, susulan pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 hingga 14 Jun 2021, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk *Emergency Response Team* (ERT) yang bermesyuarat pada 01 Jun 2021 telah memaklumkan mengenai pengoperasian Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang akan **berkuat kuasa** mulai **4 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**. Selain pematuhan terhadap pelaksanaan PKP seluruh negara, tarikh yang ditetapkan ini adalah mengambil kira tempoh transisi pasca PKPD bagi kampus UTM Johor Bahru. Perincian pengoperasian adalah seperti berikut :

PERGERAKAN PELAJAR

- (i) Semua pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar masuk kampus UTM JB bermula 4 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. **Manakala bagi UTMKL sekatan keluar masuk kampus adalah bermula 1 hingga 14 Jun 2021.**
- (ii) Pergerakan pelajar dalam kawasan kampus adalah dibenarkan **KECUALI** bagi pelajar-pelajar yang sedang menjalani proses kuarantin diri di Blok S46/47.
- (iii) Bekalan makanan kepada pelajar yang menjalani proses kuarantin diri di Blok S46/47 akan diteruskan seperti mana kaedah sedia ada.
- (iv) Pelajar yang berada di Pusat Isolasi adalah tidak dibenarkan keluar dan perlu menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery*).

- (v) Bagi mana-mana pelajar yang memohon untuk keluar atas sebab-sebab kecemasan boleh merujuk kepada Pengetua Kolej Kediaman masing-masing. Permohonan yang telah disokong perlu dimajukan untuk semakan Pengarah Pusat Kesihatan bagi kes berkaitan kesihatan atau Pengarah Keselamatan bagi kes tertentu.
- (vi) Pelajar adalah **DIBENARKAN** beriadah secara individu di dalam kampus dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- (vii) Sebarang bentuk aktiviti dan perbincangan kumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dijalankan secara dalam talian.
- (viii) Pelajar yang menginap di luar kampus hanya dibenarkan bergerak berdasarkan SOP PKP 3.0 MKN dan tidak dibenarkan masuk ke kampus UTM.

PENGOPERASIAN FASILITI DAN KEMUDAHAN DALAM KAMPUS

- (i) Perkhidmatan kafeteria dan kedai runcit dalam kampus akan dibuka bermula 4 Jun 2021 dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam SAHAJA.
- (ii) Bagi perkhidmatan kafeteria, penyediaan makanan adalah secara pandu lalu atau bungkus (*pack food*) SAHAJA.
- (iii) Perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery*) dan penghantaran barang (*panda mart*) masih boleh diteruskan sehingga jam **8.00 malam** sahaja.
- (iv) Bagi pelajar berkeluarga yang ingin mendapatkan bekalan bahan mentah/ gas memasak / keperluan keluarga juga boleh menggunakan perkhidmatan secara dalam talian atau dari mana-mana kedai runcit dalam kampus.
- (v) Pelajar yang memerlukan minyak kenderaan (petrol) boleh menggunakan perkhidmatan bekalan minyak yang disediakan secara subsidi oleh pihak Universiti dengan had 2 liter (motosikal) dan 10 liter (kereta/ van). Lokasi bekalan minyak kenderaan adalah di Bengkel UTM *Fleet*, Blok F53A.
- (vi) Perkhidmatan Klinik Bergerak (*mobile clinic*) adalah dihentikan dan semua perkhidmatan kesihatan dirujuk terus ke Pusat Kesihatan Universiti.
- (vii) Bagi ibubapa/waris yang ingin menghantar makanan/barang kepada pelajar, perlu menggunakan perkhidmatan penghantaran (*delivery*).

Dimaklumkan juga operasi Bilik Gerakan di Dewan Alumni adalah diteruskan sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Sebarang persoalan boleh menghubungi talian HEP Online iaitu: (+6 011-186 87022/ +6 019-731 0674 (**kampus UTM JB**) atau +6 017-242 4122/ +6 013-393 1117 (**kampus UTM KL**)). Sehubungan itu, sebarang bentuk sumbangan kepada pelajar dalam kampus boleh diserahkan di Dewan Alumni secara terus bagi tujuan agihan.

Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa. Mana-mana pelajar yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib tertakluk kepada keputusan Universiti.

Sekian.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : shamsul@utm.my

s.k. : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
: Pendaftar
: Pengarah, Bahagian Keselamatan